

Kejadian buka mata banyak pihak

Penduduk, JMB lebih prihatin isu keselamatan di kawasan flat

KUALA LANGAT- Kejadian pelajar maut ditimpa kerusi terbang baru-baru ini membuka mata pelbagai pihak berhubung sikap dan mentaliti penduduk yang tinggal di perumahan bertingkat.

Keanyakan penduduk yang tinggal di rumah flat mengakui terpaksa lebih berhati-hati mengambil keputusan untuk tinggal di flat yang mementingkan ciri-ciri keselamatan.

Seorang penduduk, Nurul Amalina Abdul Ghafar, 31, berkata, dia memang memikrkan keselamatan tempat tinggal supaya kejadian sama tidak berlaku.

Menurutnya yang pernah menetap di Flat Sri Rampai mengakui kawasan flat di Kuala Langat jauh berbeza dengan flat di ibu kota terutamanya daripada segi tahap keselamatan.

"Masa saya tinggal di sana, segala sampah sarap senang dicampakkan ke bawah tanpa mementingkan aspek keselamatan.

"Hendak jalan kat bawah pun risau tapi bila pindah ke Telok Panglima Garang rasa selamat sikit," katanya.

Nurul Amalina berkata, walaupun hanya menyewa namun jawatankuasa penduduk di kawasan itu sentiasa menjaga keselamatan penghuni termasuk memasang pengadang untuk mengelakkan sampah besar dilempar



MOHD NOOR



MOHAMAD ZAIN



SOFIA



NURUL AMALINA

dari atas.

Katanya, jika sebelum ini dia risau setiap kali melalui laluan bawah flat namun hari ini tiada masalah cuma biasanya bila bawa anak-anak setiap langkah pergerakan anak mestilah dipantau.

"Saya tak kisah jika jawatankuasa penduduk menetapkan caj penjagaan asas bangunan bagi menjamin keselamatan penduduk, menyediakan pelbagai ke-

mudahan lain termasuk tempat pembuangan sampah.

"Bila saya datang sini pun saya terkejut flat di sini bersih seperti di kawasan apartmen mewah," katanya.

Suri rumah, Sofia Sobirin, 33, pula berharap dapat hidup dalam keadaan bersih dan selamat serta bersyukur kawasan flat di diami mementingkan aspek keselamatan.

"Pernah juga nampak

orang buang sampah dari atas tapi nasib ada pengadang mengelakkan kemalangan.

"Saya percaya usaha ini membantu penduduk berasa diri lebih selamat dengan adanya keselamatan dan pelbagai kemudahan yang disediakan termasuk urusan pembuangan sampah" katanya.

Sukar dibendung jika tak ubah sikap

Masalah keselamatan dan kebersihan di beberapa flat ternyata sukar dibendung jika penduduk masih tidak berubah sikap.

Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Taman Dato Hormat, Mohd Noor Ahmad berkata, tidak dinafikan daripada sekecil sisa puntung rokok hinggalah ke sampah bersaiz besar sebenarnya antara objek yang sering dilemparkan penduduk yang tinggal di premis bertingkat.

Menurutnya, bagaimanapun, kejadian itu kini tidak pernah berlaku selepas JMB mengambil alih kawasan flat di kawasan itu.

"Sebelum ini sampah makanan atau objek yang sengaja dicampakkan kanak-kanak ada saja berlaku tetapi selepas jawatankuasa penduduk meningkatkan keselamatan termasuk memasang pengadang, kejadian itu jarang berlaku.

"Kalau ada pun, sampah makanan ringan yang dipercayai dibuang oleh kanak-kanak, tetapi tidaklah serius," katanya kepada *Sinar Harian* di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai insiden sampah pukat yang dilaporkan masih dicampak dari atas tanpa memikrkan kesan buruk.

Mohd Noor berkata, penubuhan JMB sebenarnya penting dalam usaha membanteras isu tersebut daripada berleluasa.

"Penduduk juga tidak akan sewenang-wenangnya melakukan aktiviti berkenaan sekiranya mereka mewujudkan



Mohd Noor melihat antara sampah ringan yang masih dibuang di flat

kan jawatankuasa flat.

Pelaku boleh didenda

Sementara itu, Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain Hamid berkata, sekiranya didapati dan ditangkap kerana membuang sampah, pesalah boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Undang-Undang Kecil Badan Pengurusan Bersama Di Bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Menurutnya, setakat ini tiada kes sama dilaporkan di daerah Kuala Langat namun bagi penghuni yang tinggal di kawasan flat, mereka hendaklah membuang sampah domestik di rumah sampah telah disediakan.

"Pihak PBT hanya mengutip sampah dikumpulkan di rumah sampah. Manakala

pembuangan sampah pukat seperti sofa, almari dan lain-lain sepatutnya tidak berlaku dan ini akan mewujudkan kawasan sampah haram.

"JMB sepatutnya melantik syarikat yang berdaftar untuk melupuskan sampah pukat mereka ini dan MDKL hanya bertanggungjawab terhadap sampah domestik," katanya.

Mohamad Zain berkata, bagaimanapun, MDKL turut menjalankan kutipan sampah pukat sebulan sekali sahaja.

"Sekiranya mahu kutipan sampah pukat dilaksanakan lebih kerap, penduduk dan JMB hendaklah mengambil inisiatif dengan melantik kontraktor berdaftar bagi melupuskan sampah-sampah pukat tersebut," katanya.



Rumah sampah yang disediakan membantu penduduk membuang sampah dengan bersistematik.